



اوتنورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

# **GARIS PANDUAN & TADBIR URUS PENGURUSAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN UMPSA**

## KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
<b>BAHAGIAN 1 : PENGENALAN</b>		
1.1	PENDAHULUAN	4
1.2	LATAR BELAKANG	4
1.3	CARTA ORGANISASI	5
1.4	TAHAP PENYELIDIKAN	6
1.5	BIDANG TUJAHAN DAN FOKUS	6-7
<b>BAHAGIAN 2 : PENUBUHAN</b>		
2.1	KUMPULAN PENYELIDIKAN 2.1.1 KRITERIA 2.1.2 PERANAN 2.1.3 PENUBUHAN 2.1.4 TADBIR URUS	8-9
2.2	JAWATANKUASA/RANGKAIAN PENYELIDIKAN 2.2.1 KRITERIA 2.2.2 PERANAN 2.2.3 PENUBUHAN 2.2.4 TADBIR URUS	9-12
2.3	PUSAT KECEMERLANGAN 2.3.1 KRITERIA 2.3.2 PERANAN 2.3.3 PENUBUHAN 2.3.4 TADBIR URUS	12-15
<b>BAHAGIAN 3 : GOVERNAN</b>		
3.1	PUNCA KUASA	16
<b>BAHAGIAN 4 : SUMBER MANUSIA</b>		
4.1	KUMPULAN PENYELIDIKAN 4.1.1 CARTA ORGANISASI 4.1.2 PELANTIKAN	18
4.2	JAWATANKUASA/RANGKAIAN PENYELIDIKAN 4.2.1 CARTA ORGANISASI 4.2.2 PELANTIKAN	18-19
4.3	PUSAT KECEMERLANGAN 4.3.1 CARTA ORGANISASI 4.3.2 PELANTIKAN	19-21

	Pengarah Felo Penyelidik Utama Felo Penyelidik Felo Perunding Penyelidikan Tamu Felo Perunding Penyelidikan Utama/Kanan	
	<b>BAHAGIAN 5 : PEMANTAUAN</b>	
5.1	PEMANTAUAN	27

# **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

## **1.1 PENDAHULUAN**

Garis Panduan dan Tadbir Urus Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan ini merupakan rujukan utama dalam pengurusan dan tatakelola bagi ekosistem penyelidikan yang lebih menyeluruh di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang bermula dari peringkat fakulti/pusat/institut sehinggalah ke peringkat Jabatan Penyelidikan & Inovasi.

Dokumen ini memperincikan perkara-perkara berkaitan urus tadbir yang meliputi kriteria, peranan, goveran, bidang kuasa, terma rujukan, pelantikan, fungsi dan lain-lain yang berkaitan.


## **1.2 LATAR BELAKANG**

Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah berfungsi sebagai jabatan yang menguruskan dan mengawal selia hal ehwal yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi.

Sistem tadbir urus yang teratur dan bersistematik akan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan khususnya dalam aspek pengurusan.




## 1.4 TAHAP PENYELIDIKAN



## 1.5 BIDANG TUJAHAN DAN FOKUS





## **BAHAGIAN 2 : PENUBUHAN**

### **2.1 KUMPULAN PENYELIDIKAN**

Kumpulan penyelidikan adalah entiti yang terdiri dari ahli akademik/staf universiti dengan apa jua nama disebut yang melaksanakan kajian dalam kumpulan kecil dalam bidang tujahan UMPSA di bawah pengurusan Fakulti/Pusat/Institut yang sama, dimana setiap ahli akademik perlulah terlibat dalam mana-mana kumpulan penyelidikan.

#### **2.1.1 KRITERIA**

1. Setiap Kumpulan Penyelidikan hendaklah mempunyai komposisi ahli dengan kepakaran di bawah bidang tujahan UMPSA dimana keahlian Kumpulan Penyelidikan ini adalah terdiri daripada staf UMPSA.
2. Penyelidik mempunyai sumber kewangan seperti geran penyelidikan dan lain-lain sumber yang terdapat di fakulti/pusat/institut masing-masing.

#### **2.1.2 PERANAN**

1. Merancang pelan strategik dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi mengikut bidang tujahan.
2. Mengatur strategi berimpak untuk memperoleh geran penyelidikan dari dalam dan luar negara.
3. Melaksana kolaborasi penyelidikan dengan industri dan komuniti.
4. Mengisi pencapaian melalui pengisian Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan jika berhasrat untuk naik taraf ke peringkat seterusnya iaitu Rangkaian Penyelidikan.
5. Mengumpul maklumat dan bahan bukti bagi penilaian pencapaian.

#### **2.1.3 PENUBUHAN**

1. Penubuhan Kumpulan Penyelidikan perlu diuruskan oleh ketua Kumpulan Penyelidikan melalui pengesahan dan perakuan dalam Jawatankuasa Penyelidikan dan Siswazah Fakulti (JPSF) > kelulusan dalam Mesyuarat

Fakulti (MF) dan dimaklumkan kepada Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu (MPPI).

2. Kumpulan Penyelidikan perlu melengkapkan Borang Daftar Kumpulan Penyelidikan dan menyerahkannya kepada pihak fakulti untuk semakan dan sokongan dan seterusnya dibentangkan dalam JPSF > MF.
3. Bagi Kumpulan Penyelidikan yang ingin naiktaraf kepada Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan perlu membuat penilaian sendiri menggunakan Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan dan hendaklah mendapat sekurang-kurangnya 40 markah. Kertas kerja penubuhan perlu dibentangkan dalam JPSF > MF dan seterusnya dihantar ke Jabatan Penyelidikan & Inovasi untuk diproses bagi kelulusan dalam Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan (MPPK) dan kelulusan Majlis Penyelidikan & Pengembangan Ilmu (MPPI) dan dimaklumkan ke Senat.

#### 2.1.4 TADBIR URUS

1. Tadbir urus Kumpulan Penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab fakulti/pusat/institut masing-masing dan boleh ditindikkan pada mana-mana pusat kecemerlangan UMPSA yang sesuai dengan bidang tujuan masing-masing.
2. Pendaftaran keahlian Kumpulan Penyelidikan perlu diuruskan oleh ketua Kumpulan Penyelidikan melalui pengesahan dalam JPSF > MF.
3. Tiada peruntukan dana permulaan diberikan oleh pihak pengurusan universiti, namun tertakluk kepada pengurusan di fakulti/pusat/institut masing-masing.

## 2.2 JAWATANKUASA/RANGKAIAN PENYELIDIKAN

Jawatankuasa/Rangkaian penyelidikan merupakan gabungan kumpulan penyelidikan yang terdiri dari ahli akademik/staf universiti atau Jawatankuasa/Rangkaian penyelidikan yang ditubuhkan oleh universiti khusus untuk mencapai hasrat universiti dalam bidang tertentu di bawah pengurusan Jabatan Penyelidikan & Inovasi. Gabungan

Jawatankuasa/Rangkaian ini boleh ditempatkan dalam mana-mana pusat kecemerlangan/fakulti/pusat/institut atau boleh juga dinaiktaraf sebagai pusat kecemerlangan baharu sekiranya telah mencukupi syarat yang ditetapkan. (rujuk penubuhan pusat kecemerlangan – mukasurat 12-14).

Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan ini terbahagia kepada dua teras iaitu :

i. Penyelidikan dan Inovasi

Teras **Penyelidikan dan Inovasi** merujuk kepada aktiviti penyelidikan bagi meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan dan rundingan kepada industri dan masyarakat. Tumpuan aktiviti bagi Jawatankuasa/Rangkaian penyelidikan di bawah teras ini ialah lebih 70% adalah aktiviti penyelidikan, inovasi dan latihan dan kurang 30% meliputi aspek perkhidmatan dan perundingan.

ii. Perkhidmatan.

Teras **Perkhidmatan** merujuk kepada jawatankuasa penyelidikan yang menyediakan perkhidmatan dalam pemantauan pematuhan penyelidik kepada garis panduan, polisi dan peraturan berkaitan adalah pada tahap kebangsaan dan antarabangsa.

### 2.2.1 KRITERIA

1. Mempunyai Ketua yang dilantik dalam kalangan staf akademik.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya 5 ahli tetap, termasuk Ketua.
3. Setiap ahli mempunyai kepakaran dan pencapaian cemerlang dalam bidang tujahan berkaitan.
4. Teras Penyelidikan dan Inovasi perlu mempunyai sumber kewangan seperti geran penyelidikan, hasil penjana pendapatan dan sumber-sumber lain selain dana yang diberikan mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan pengurusan universiti.
5. Manakala bagi Teras Perkhidmatan dana diberikan mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan pengurusan universiti.

### 2.2.2 PERANAN

1. Merancang pelan strategik dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi, latihan, perkhidmatan dan perundingan mengikut bidang tujahan berkaitan.
2. Mengatur strategi berimpak untuk memperoleh geran penyelidikan dari dalam dan luar negara.
3. Melaksana kolaborasi penyelidikan berimpak dengan industri dan komuniti.

### 2.2.3 PENUBUHAN

1. Penubuhan Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan perlu diuruskan oleh salah seorang ketua Kumpulan Penyelidikan melalui persetujuan bersama antara ketua Kumpulan Penyelidikan.
2. Kertas kerja permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan Jabatan Penyelidikan & Inovasi untuk pengesahan dan kelulusan Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan (MPPK) > Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu (MPPI) dan dimaklumkan kepada SENAT dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU).
3. Sekiranya Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan ingin naiktaraf kepada pusat kecemerlangan Ketua Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan perlu mengisi penilaian sendiri menggunakan Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan dan mendapat sekurang-kurangnya 60 markah.
4. Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan perlu melengkapkan Borang Daftar Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan dan menyerahkannya bersama Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan beserta dokumen-dokumen sokongan kepada pihak Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan & Inovasi untuk semakan dan sokongan dan seterusnya dibentangkan dalam MPPK > MPPI > Senat/JKPU untuk penubuhan.

#### 2.2.4 TADBIR URUS

1. Tadbir urus Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Penyelidikan & Inovasi boleh ditindikkan pada mana-mana pusat kecemerlangan UMPSA yang sesuai.
2. Pengoperasian adalah diuruskan oleh ahli dalam Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan tersebut dan dipantau oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan & Inovasi.
3. Dana permulaan akan diberikan oleh pihak universiti mengikut keperluan dan bagi tempoh tertentu sahaja yang diuruskan di bawah Jabatan Penyelidikan & Inovasi.

### 2.3 PUSAT KECEMERLANGAN

Pusat Kecemerlangan adalah entiti penyelidikan yang ditubuhkan oleh universiti untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, inovasi, latihan, perkhidmatan, perundingan dan aktiviti penjana pendapatan.

Pusat Kecemerlangan ini terbahagia kepada dua teras iaitu :

ii. Penyelidikan dan Inovasi

Teras **Penyelidikan dan Inovasi** merujuk kepada pusat kecemerlangan yang melaksanakan aktiviti penyelidikan bagi meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan dan rundingan kepada industri dan masyarakat. Tumpuan aktiviti bagi pusat kecemerlangan di bawah teras ini ialah lebih 70% adalah aktiviti penyelidikan, inovasi dan latihan dan kurang 30% perkhidmatan dan perundingan.

ii. Perkhidmatan.

Teras **Perkhidmatan** merujuk kepada pusat yang menyediakan 100% perkhidmatan.

### 2.3.1 KRITERIA

1. Teras Penyelidikan dan Inovasi
  - i. Mempunyai Pengarah yang dilantik dalam kalangan staf akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran giliran lain di peringkat universiti.
  - ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 5 felo penyelidik utama tetap (termasuk Pengarah) yang menjalankan aktiviti yang selari dengan bidang tujuhan.
  - iii. Keperluan sumber manusia selain staf akademik adalah tertakluk kepada kelulusan pengurusan universiti.
  - iv. Mempunyai sumber kewangan seperti geran penyelidikan, hasil penajaan pendapatan dan sumber-sumber lain.
  
2. Teras Perkhidmatan
  - i. Mempunyai Pengarah yang dilantik dalam kalangan staf akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran giliran lain di peringkat universiti.
  - ii. Keperluan sumber manusia selain staf akademik adalah tertakluk kepada kelulusan pengurusan universiti.

### 2.3.2 PERANAN

1. Teras Penyelidikan dan Inovasi
  - i. Merancang pelan strategik dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang selari dengan bidang tujuhan.
  - ii. Mencapai status pusat kecemerlangan yang dirujuk oleh industri dan komuniti setempat.
  - iii. Mengatur strategi berimpak untuk memperoleh geran penyelidikan dari dalam dan luar negara.
  - iv. Melaksana kolaborasi penyelidikan berimpak dengan industri dan komuniti.

- v. Mengumpul maklumat dan bahan bukti bagi penilaian pencapaian melalui pengisian Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan dan dibentangkan di Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan secara berkala.
2. Teras Perkhidmatan
    - i. Merancang pelan strategik dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang selari dengan bidang berkaitan.
    - ii. Mengatur strategi berimpak untuk penjanaaan pendapatan dari industri dan komuniti setempat.
    - iii. Melaksana kolaborasi berimpak dengan institusi lain yang berkaitan.
    - iv. Mengumpul maklumat dan bahan bukti bagi penilaian pencapaian melalui pengisian Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan untuk bahagian penjanaaan pendapatan sahaja dan dibentangkan di Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan secara berkala.

### 2.3.3 PENUBUHAN

1. Penubuhan pusat kecemerlangan boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu :
  - i. Dari Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan yang diuruskan oleh ketua Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan melalui pengesahan dan kelulusan Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan (MPPK) > perakuan di Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu (MPPI) dan kelulusan SENAT dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU).
  - ii. Dari individu yang dilantik oleh universiti.
2. Ketua Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan atau individu yang dilantik oleh universiti perlu melengkapkan Borang Daftar Pusat Kecemerlangan dan menyerahkannya bersama Instrumen Penilaian Pusat Kecemerlangan dengan sekurang-kurangnya mendapat 60 markah. (terkecuali bagi individu yang dilantik oleh universiti) serta dokumen-

dokumen sokongan kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi untuk semakan dan sokongan dan seterusnya dibentangkan dalam MPPK > MPPI > Senat/JKPU untuk penubuhan.

#### 2.3.4 TADBIR URUS

1. Tadbir urus Pusat Kecemerlangan adalah di bawah tanggungjawab Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan & Inovasi.
2. Dana permulaan akan diberikan oleh pihak universiti mengikut keperluan dan bagi tempoh tertentu sahaja.
3. Mempunyai Tabung Amanah sendiri bagi operasi dan penjanaaan pendapatan.


## BAHAGIAN 3 : GOVERNAN

### 3.1 PUNCAKUASA

#### 3.1.1 PENURUNAN KUASA DARI SENAT Seksyen 17 (2A)

Entiti	KELULUSAN		
	PENUBUHAN	PENJUMUDAN	PENSTRUKTURAN (GABUNG/PISAH)
Pusat Kecemerlangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. MPPK (LULUS)</li> <li>2. MPPI (PERAKUAN)</li> <li>3. Senat (LULUS)</li> <li>4. JKPU (LULUS)</li> <li>5. LPU (MAKLUM)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. MPPK (LULUS)</li> <li>2. MPPI (PERAKUAN)</li> <li>3. Senat (LULUS)</li> <li>4. JKPU (LULUS)</li> <li>5. LPU (MAKLUM)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. MPPK (LULUS)</li> <li>2. MPPI (PERAKUAN)</li> <li>3. Senat (LULUS)</li> <li>4. JKPU (LULUS)</li> <li>5. LPU (MAKLUM)</li> </ol>
Jawatankuasa/ Rangkaian Penyelidikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. MPPK (LULUS)</li> <li>2. MPPI (LULUS)</li> <li>3. SENAT (MAKLUM)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. MPPK (LULUS)</li> <li>5. MPPI (LULUS)</li> <li>1. SENAT (MAKLUM)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>2. MPPK (LULUS)</li> <li>3. MPPI (LULUS)</li> <li>4. SENAT (MAKLUM)</li> </ol>
Kumpulan Penyelidikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. JPSF (PERAKUAN)</li> <li>2. MF (LULUS)</li> <li>3. MPPI (MAKLUM)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. JPSF (PERAKUAN)</li> <li>2. MF (LULUS)</li> <li>3. MPPI (MAKLUM)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. JPSF (PERAKUAN)</li> <li>2. MF (LULUS)</li> <li>3. MPPI (MAKLUM)</li> </ol>

#### 3.1.2 STRUKTUR TADBIR URUS SENAT



**PETUNJUK:**

- MPPA: Majlis Perancangan dan Pembangunan Akademik
- MPPI: Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu
- MPU: Majlis Peperiksaan Universiti
- MPSU: Majlis Pengajian Siswazah Universiti
- MPSH: Majlis Pembelajaran Sepanjang Hayat
- MF: Mesyuarat Fakulti
- JAF: Jawatankuasa Akademik Fakulti
- JPF: Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti
- JPSF: Jawatankuasa Penyelidikan dan Siswazah Fakulti
- MIPS: Mesyuarat Institut Pengajian Siswazah
- MPKP: Mesyuarat Pembangunan Kemahiran Pelajar
- MPPK: Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan

## 3.2 TERMA RUJUKAN

### 3.2.1 MESYUARAT PENYELIDIKAN PUSAT KECEMERLANGAN

Terma rujukan adalah terpakai kepada dokumen Tadbir Urus SENAT (EDISI 2022) dan Penurunan Kuasa SENAT (EDISI 2022).


### 3.2.2 MESYUARAT MENGIKUT PERINGKAT PENYELIDIKAN

ENTITI	RUJUKAN TERMA
Pusat Kecemerlangan	Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan (MPPK) dengan keahlian mesyuarat adalah semua Pengarah pusat kecemerlangan dan ketua rangkaian penyelidikan.
Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan	Gunapakai terma Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan mengikut kesesuai jawatankuasa/rangkaian masing-masing.
Kumpulan Penyelidikan	Gunapakai Terma Rujukan Jawatankuasa Penyelidikan dan Siswazah Fakulti dengan keahlian mesyuarat adalah kesemua ahli Kumpulan Penyelidikan tersebut.

## **BAHAGIAN 4 : SUMBER MANUSIA**

### **4.1 KUMPULAN PENYELIDIKAN**

#### 4.1.1 CARTA ORGANISASI




Keahlian terbuka kepada semua staf akademik fakulti/pusat/akademi/institut dalam fakulti/pusat/akademi/institut yang sama – tiada had.

#### 4.1.2 PELANTIKAN

Pelantikan ahli adalah melalui pengesahan dan kelulusan dalam Jawatankuasa Penyelidikan dan Siswazah Fakulti (JPSF) > Mesyuarat Fakulti (MF) dan dimaklumkan kepada Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu (MPPI).

### **4.2 JAWATANKUASA/RANGKAIAN PENYELIDIKAN**

#### 4.2.1 CARTA ORGANISASI




Keahlian terbuka kepada semua staf akademik fakulti/pusat/akademi/institut dan rentas fakulti/pusat/akademi/institut – tiada had.

## 4.2.2 PELANTIKAN

Pelantikan ahli adalah melalui pengesahan dan kelulusan dalam MPPK dan MPPI dan dimaklumkan kepada Senat.

## 4.3 PUSAT KECEMERLANGAN

### 4.3.1 CARTA ORGANISASI



\*bilangan kluster tertakluk kepada bidang tujahan

### 4.3.2 PELANTIKAN

#### A. PENGARAH

##### 1. Kriteria Lantikan

- i. Pelantikan dikalangan ahli akademik UMPSA;
- ii. Mempunyai kepakaran dan tahap kecemerlangan yang istimewa mutunya dalam bidang tujahan sesuatu pusat kecemerlangan;
- iii. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya; dan
- iv. Mempunyai rekod penyelidikan yang cemerlang melebihi 5 tahun.

2. Prosedur pelantikan
  - i. Senarai pendek calon dipilih dan dihantar kepada Naib Canselor oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
  - ii. Staf akademik yang memenuhi kriteria kecemerlangan layak dilantik sebagai Pengarah.
3. Tempoh Lantikan
  - i. Dua (2) tahun atau bergantung kepada kelulusan Naib Canselor.
4. Fungsi dan Tanggungjawab
  - i. Bertanggungjawab kepada Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
  - ii. Melaksanakan tugas berasaskan kepada Statut, Akta dan Peraturan-peraturan Universiti.
  - iii. Melaksanakan dasar-dasar Universiti seperti yang diarahkan oleh pihak Universiti iaitu Pihak Pengurusan Universiti, Senat dan Lembaga Pengarah Universiti.
  - iv. Bertanggungjawab dalam menguruskan pengoperasian, pentadbiran dan kewangan pusat kecemerlangan mengikut peraturan kewangan semasa.
  - v. Membangun dan mengoperasikan pelan strategik pusat kecemerlangan dan memastikan ianya selari dengan pelan strategik universiti.
  - vi. Bertanggungjawab dalam pemilihan pelbagai lantikan di pusat kecemerlangan yang selari dengan objektif dan halatuju pusat kecemerlangan.
  - vii. Bertanggungjawab dalam perancangan aktiviti menjana sumber pendapatan kepada pusat kecemerlangan seperti latihan kepakaran dan khidmat teknikal.

- viii. Menjalankan aktiviti kolaborasi dengan badan-badan kerajaan, industri, swasta, institut pengajian tinggi serta pusat-pusat penyelidikan di dalam dan luar negara.
- ix. Mengemukakan laporan kemajuan pusat kecemerlangan termasuk laporan-laporan sulit kakitangan.
- x. Bertanggungjawab terhadap kewangan dan harta pusat kecemerlangan.
- xi. Menimbang, memberi atau meluluskan cuti biasa atau apa-apa saja kelulusan yang berkenaan.
- xii. Menjadi Pengurus Sumber Manusia untuk kakitangan pusat kecemerlangan.
- xiii. Mewakili pusat kecemerlangan (melantik wakil) ke Mesyuarat Jawatankuasa/ Persidangan – persidangan dan sebagainya.
- xiv. Mewakili Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan ke Mesyuarat Jawatankuasa/Persidangan – persidangan yang berkenaan dengan pusat kecemerlangan dan sebagainya.
- xv. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dari semasa ke semasa

## B. FELO PENYELIDIK UTAMA

### 1. Kriteria Lantikan

- i. Pelantikan dikalangan ahli akademik UMPSA;
- ii. Mempunyai kepakaran dan tahap kecemerlangan yang istimewa mutunya dalam bidang tujahan sesuatu pusat kecemerlangan;
- iii. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya; dan

- iv. Mempunyai rekod penyelidikan yang cemerlang melebihi 5 tahun.
2. Prosedur Lantikan
    - i. Perbincangan diantara pusat kecemerlangan dan fakulti perlu diadakan bagi mendapat persetujuan dengan senarai pencalonan Felo Penyelidik Utama. Borang perakuan/pelepasan dari dekan perlu dilengkapkan berserta dengan Borang KPI.
    - ii. Cadangan lantikan dibentangkan dalam MPPK untuk perakuan dan MPPI untuk kelulusan dan seterusnya pemakluman di SENAT.
    - iii. Calon Felo Penyelidik Utama yang akan dilantik merupakan individu yang tidak memegang sebarang jawatan pengurusan di fakulti/sekolah/pusat atau institut.
  3. Tempoh Lantikan
    - i. Satu hingga lima (5) tahun.
  4. Fungsi dan Tanggungjawab
    - i. Menjalankan penyelidikan bagi projek penyelidikan yang ditetapkan, membantu mengemukakan permohonan untuk geran-geran penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.
    - ii. Menghasilkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi dan afiliasi kepada Pusat Kecemerlangan dan Fakulti.
    - iii. Membangunkan penyelidikan yang mampu memberikan impak besar kepada negara dan global
    - iv. Memperluaskan jaringan serta rangkaian penyelidikan dengan pihak industri untuk hasil penyelidikan dan inovasi.
    - v. Memfokuskan khidmat teknikal, perundingan dan latihan-latihan yang bertaraf antarabangsa yang mampu memberi impak besar kepada universiti.
    - vi. Menyelia pelajar pasca siswazah (mod penyelidikan).

- vii. Memberi khidmat latihan dan perundingan bagi menyumbang kepada penjanaan pendapatan kepada pusat kecemerlangan.
- viii. Memastikan segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah pusat kecemerlangan adalah mematuhi Garis Panduan Etika Penyelidikan UMPSA.

### C. FELO PENYELIDIK

#### 1. Kriteria Lantikan

- i. Pelantikan dikalangan ahli akademik UMPSA;
- ii. Mempunyai kepakaran dan tahap kecemerlangan yang istimewa mutunya dalam bidang tujuhan sesuatu pusat kecemerlangan;
- iii. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya; dan
- iv. Mempunyai rekod penyelidikan yang cemerlang melebihi 3 tahun.

#### 2. Prosedur Lantikan

- i. Perbincangan diantara pusat kecemerlangan dan fakulti perlu diadakan bagi mendapat persetujuan dengan senarai pencalonan Felo Penyelidik.
- ii. Lantikan dibuat menerusi pusat kecemerlangan dengan pemakluman kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi melalui MPPK.

#### 3. Tempoh Lantikan

- i. Satu (1) hingga dua (2) tahun.

#### 4. Fungsi dan Tanggungjawab

- i. Menjalankan penyelidikan bagi projek penyelidikan yang ditetapkan, membantu mengemukakan permohonan untuk geran-geran penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

- ii. Membantu menghasilkan penerbitan dalam jurnal berindeks dan afiliasi kepada Pusat Kecemerlangan dan Fakulti.
- iii. Membantu menyediakan khidmat latihan dan perundingan bagi menyumbang kepada penjana pendapatan Pusat Kecemerlangan.
- iv. Memastikan segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Pusat Kecemerlangan adalah mematuhi Garis Panduan Etika Penyelidikan UMPSA.

#### D. FELO PERUNDING PENYELIDIKAN TAMU

##### 1. Kriteria Lantikan

- i. Calon hendaklah terdiri dari mana-mana organisasi dari dalam dan luar Negara atau mana-mana individu yang layak oleh universiti bagi tujuan lantikan ini;
- ii. Calon hendaklah mempunyai kepakaran dalam bidang tujuhan sesuatu Pusat Kecemerlangan;
- iii. Calon hendaklah telah terlibat secara langsung di organisasi asalnya dengan yang berkaitan bidang tujuhan penyelidikan Pusat Kecemerlangan dimana ianya dilantik.

##### 2. Prosedur Lantikan

- i. Pusat Kecemerlangan mendapatkan perakuan bagi pelantikan dalam Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan dan kelulusan dalam Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu.
- ii. Pemakluman kepada Senat dibuat sebelum Jabatan Pendaftar mengeluarkan surat lantikan.

##### 3. Tempoh Lantikan

- i. Maksimum sepuluh (10) hari bagi setiap kali perlantikan bagi tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun.

##### 4. Fungsi dan Tanggungjawab

- i. Diselaraskan oleh pusat kecemerlangan mengikut bidang tujuhan dan keperluan semasa.

5. Kemudahan
  - i. Emolumen sebanyak RM 500.00/hari.
  - ii. Penginapan di hotel / rumah tamu universiti.
  - iii. Tuntutan perbatuan.

#### E. FELO PERUNDING PENYELIDIKAN UTAMA/KANAN

1. Kriteria Lantikan
  - i. Mencapai tahap kecemerlangan yang sangat terkemuka mutunya.
  - ii. Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya  
\*Jenis lantikan adalah mengikut kelayakan akademik
2. Prosedur Lantikan
  - i. Pusat Kecemerlangan mendapatkan perakuan bagi pelantikan dalam Mesyuarat Penyelidikan Pusat Kecemerlangan dan kelulusan dalam Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu.
  - ii. Pemakluman kepada Senat dibuat sebelum Jabatan Pendaftar mengeluarkan surat lantikan.
3. Tempoh Lantikan
  - i. Dilantik untuk tempoh satu (1) tahun atau dua (2) tahun serta boleh diperbaharui berdasarkan prestasi semasa.
  - ii. Disepanjang tempoh pelantikan tersebut, felo perunding penyelidikan akan bertugas secara SEPENUH MASA di pusat kecemerlangan tersebut.
4. Fungsi dan Tanggungjawab  
Diselaraskan oleh pusat kecemerlangan mengikut bidang tujahan dan keperluan semasa.
5. Kemudahan
  - i. Emolumen dengan jumlah gaji asas & imbuhan tetap dalam skim perkhidmatan Profesor bagi lantikan Felo Perunding Penyelidikan Utama.

- ii. Emolumen dengan jumlah gaji asas & imbuhan tetap dalam skim perkhidmatan Profesor Madya bagi lantikan Felo Perunding Penyelidikan Kanan.
- iii. Emolumen dengan jumlah gaji asas & imbuhan tetap dalam skim perkhidmatan Pensyarah Kanan bagi lantikan Felo Perunding Penyelidikan.
- iv. Kemudahan Perubatan untuk diri sendiri di Pusat Kesihatan Universiti/Klinik Panel Universiti

## **BAHAGIAN 5 : PEMANTAUAN**

### **5.1 PEMANTAUAN**

5.1.1 Pemantauan bagi Kumpulan Penyelidikan adalah tertakluk kepada pengurusan fakulti/pusat/institut.

5.1.2 Pemantauan Jawatankuasa/Rangkaian Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan adalah berdasarkan 6 kriteria mengikut Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan dan pelaporan secara berkala pada MPPK.

- i. Geran
- ii. Penerbitan
- iii. Pascasiswazah (Felo penyelidik utama)
- iv. Inovasi
- v. Kewangan
- vi. Jaringan Luar

**Kelulusan Mesyuarat Senat KE-230 BIL. 1/2025  
23 Januari 2025**

---

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur**